

UPSI/PEND/BG1/597(01/11)

17 Januari 2011

11 Safar 1432H

## **SPP UPSI BIL. 1 TAHUN 2011**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

### **WAKTU BEKERJA KAKITANGAN AKADEMIK**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke 71 Bil. 5/2010 telah meluluskan waktu bekerja kakitangan akademik di UPSI adalah secara fleksibel tetapi masih memerlukan mereka mengetik waktu masuk dan waktu balik bagi tempoh lapan (8) jam sehari dan sekiranya kakitangan akademik tersebut memegang jawatan pentadbiran maka mereka perlu mematuhi waktu bekerja biasa 8:00 pagi – 5:00 petang atau diberi waktu bertugas anjal.

3. Bagi kakitangan yang perlu menjalankan tugas di luar stesen dan menyebabkan mereka tidak dapat mengetik kehadiran mereka, kakitangan ini hendaklah memastikan alasan berkenaan direkodkan di dalam ruangan *Add Reason MyUPSI Portal*.

4. Pemantauan berkenaan perkara ini akan dilaksanakan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing supaya perkara ini dipatuhi. Sekiranya didapati laporan kehadiran bulanan kakitangan pada tiga (3) bulan berturut-turut berwarna merah, kakitangan tersebut hendaklah diberi teguran dan amaran. Jika perkara ini masih berterusan kakitangan tersebut hendaklah dipanjangkan ke Bahagian Govenan dan dikenakan tindakan tatatertib.

5. Surat Pekeliling Pendaftar Bil. 4/2009 bertarikh 18 Jun 2009 adalah dengan ini terbatal. Pelaksanaan waktu bekerja rasmi kakitangan akademik ini berkuatkuasa 1 Februari 2011.

Sekian, terima kasih.

### **"PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN"**

Yang benar,

#### **(DATO' RUSLEY BIN TAIB)**

Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)